

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	14/01/2018

Reformasi pakatan jadi 'reformati'

BH - 14/1/2018 Pg. 12

Ibarat 'rumah siap, pahat berbunyi'. Begitulah suasana menyelubungi pakatan pembangkang selepas mengumumkan Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Tun Dr Mahathir Mohamad, sebagai calon Perdana Menteri sekiranya gabungan itu memenangi Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14). **Wartawan BH Ahad, Anwar Patho Rohman dan Suzalina Halid** mendapatkan pandangan Panel Pemikir Biro Penerangan UMNO, Datuk Lokman Noor Adam dan Pensyarah Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan Universiti Sains Malaysia (USM), Prof Dr P Sivamurugan berhubung polemik dihadapi pembangkang.

Datuk Lokman Noor Adam

S: Pakatan pembangkang meluluskan resolusi memilih Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri, jika memenangi PRU-14. Apa pandangan Datuk?

J: Selepas 20 tahun gerakan reformasi wujud mendesak Dr Mahathir berundur dan membebaskan Datuk Seri Anwar Ibrahim, sekarang keputusan konvensyen pakatan pembangkang bersetuju melantiknya sebagai Perdana Menteri dan Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail sebagai timbalan. Ini memberi isyarat bahawa reformasi sudah bertukar menjadi 'reformati'. Perjuangan reformasi hari ini bukan lagi hendak menurunkan Dr Mahathir dan membebaskan Anwar, tetapi mengangkat Dr Mahathir dan mengekalkan Anwar di penjara. Saya begitu yakin, walaupun Anwar dijadualkan bebas Jun ini, sekiranya kuasa Perdana Menteri itu kembali ke tangan Dr Mahathir, beliau akan lakukan apa sahaja bagi memastikan Anwar terus di penjara dan anaknya, Datuk Seri Mukhriz Mahathir akan dinobatkan sebagai pengganti bapanya.

S: Datuk menyatakan Dr Mahathir tetap tidak akan membebaskan Anwar jika menjadi Perdana Menteri. Apakah maksudnya?

J: Dr Mahathir akan menggunakan pelbagai alasan untuk tidak membebaskan Anwar. Antaranya yang paling mudah ialah keputusan RCI Forex yang kehilangan RM31.5 bilion kononnya ia jelas membuktikan ada usaha melindungi maklumat sebenar urusan niaga itu daripada pengetahuan Kabinet dan Parlimen ketika itu. Siapa lagi yang akan menjadi kambing hitam Dr Mahathir kalau bukan Anwar. Dr Mahathir boleh menggunakan pertuduhan lain bagi memastikan Anwar terus merengkok dalam penjara. Semua rahsia Anwar di tangan Dr Mahathir. Pada 1998, apabila tidak boleh menahan Anwar mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), kerana tekanan antarabangsa, beliau menggunakan tindakan Anwar mengarahkan polis menyergah Ummi Hafilda Ali dan temannya sebagai salah guna kuasa dan akhirnya Anwar dipenjarakan enam tahun kerana dakwaan salah guna kuasa, bukan tuduhan liwat.



Lokman Noor Adam

S: Dalam resolusi pakatan, jelas menyatakan setiap parti pembangkang sudah ditetapkan kerusi Parlimen ditandingi. Namun DAP dikatakan akan tetap menjadi dominan?

J: Rakyat tidak seharusnya termaikan tipu daya DAP yang diumumkan hanya bertanding 35 kerusi Parlimen di Semenanjung. Pertama, 35 kerusi itu tidak termasuk Sabah dan Sarawak. Kedua, kerusi yang DAP bertanding mempunyai kebarangkalian 80 sehingga 90 peratus peluang kemenangan. Kerusi ditandingi PKR dan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) hanya 20 sehingga 30 peratus

peluang kemenangan. Ini bermakna sekiranya Kerajaan Malaysia jatuh ke tangan pembangkang, kerajaan yang bakal dibentuk adalah sama seperti kerajaan Perak pada 2008. Ketika itu, DAP mempunyai 18 kerusi, PAS (6) dan PKR (7) kerusi. Walaupun PAS yang diangkat sebagai menteri besar, DAP yang menguasai keputusan kerajaan negeri. Ini yang menyebabkan penyokong DAP di Kampung Baru diberikan tanah tol selama 999 tahun. Walaupun PAS sebagai menteri besar, mereka hanya boneka kepada DAP.

S: Apa pandangan Datuk mengenai hubungan PAS dan UMNO yang dilihat mesra?

J: Walaupun PAS seolah-olah mesra UMNO, kerjasama politik ketika PRU-14 mungkin tidak berlaku. Ini akan mewujudkan pertembungan tiga penjuru di kawasan majoriti Melayu. Namun, kerjasama membentuk kerajaan selepas pilihan raya tidak mustahil akan berlaku. Terpujang kepada UMNO dan PAS untuk meraih seberapa banyak kerusi pada PRU-14. Biarlah rakyat menentukan parti mana difikir lebih konsisten perjuangkan nasib mereka.